



AYAT KITAB SUCI MINGGU INI:

"Walaupun dalam rupa Allah, tidak menganggap kesetaraan dengan Allah itu sebagai milik yang harus dipertahankan, melainkan telah mengosongkan diri-Nya sendiri, dan mengambil rupa seorang hamba, dan menjadi sama dengan manusia. Dan dalam keadaan sebagai manusia, Ia telah merendahkan diri-Nya dan taat sampai mati, bahkan sampai mati di kayu salib"

(Fil. 2: 6-8)

AYAT SUCI MINGGU INI

Yes. 50: 4-7;

Maz. 21: 8-9, 17-20,
23-24;

Fil. 2: 6-11;

Mk. 14: 1-15: 47.

Minggu paling suci tiba hari ini pada Minggu Palma Kisah Kesengsaraan Tuhan. Sebelum kita bersukacita melihat makam yang kosong, janganlah kita berhenti sejenak di persimpangan jalan menuju ke Kalvari, tetapi berada di sana untuk menemani Yesus. Kita tidak berada di sana 2000 tahun yang lalu, tetapi sekarang kita dapat bersama Tuhan untuk menghidupkan kembali Misteri Paska.

Yesaya memberikan Lagu ke-3 dari Hamba yang Menderita, seorang yang menerima penderitaan kerana kasih dan kepatuhan. Dalam surat Santo Paulus kepada umat di Filipi, kita diingatkan akan kerendahan hati dan kepatuhan sepenuhnya Kristus, yang 'menghampakan diri dan menjadi serupa dengan seorang hamba, sama dengan manusia, merendahkan diri lagi dengan taat sampai wafat di kayu salib.'

Di rumah Little Sisters of the Poor, seorang sukarelawan sedang menolong seorang biarawati di rumah sakit. Dia melihat keadaan orang tua yang menyedihkan yang tidak dapat bergerak selama bertahun-tahun. Dia mengajukan satu pertanyaan kepada Sister, 'Mengapa Allah mengizinkan orang tua ini menderita?'

Sister itu berkata, 'Penderitaannya disatukan dengan Yesus. Ianya menebus, dan dia menolong Tuhan menyelamatkan jiwa-jiwa. Selain itu, Allah memberinya rahmat untuk bertahan.'

Pada hari itu, sukarelawan ini mempelajari bahawa penderitaan yang dikaitkan dengan Kesengsaraan Kristus membawa konotasi yang berbeza. Pendekatan Katolik kepada penderitaan dapat memberikan penghiburan yang tidak dapat dilakukan oleh pendekatan sekular. Mungkin secara batin para hamba masa dahulu telah memahami penderitaan penebusan mereka sendiri.

Semasa Minggu Suci ini, marilah kita melakukan perjalanan dengan Tuhan secara intim. Kemenangan ada di pihak kita dan kita hanya perlu menuntunya. Apa sahaja yang kita lalui dalam hidup, satukannya kepada Kristus melalui Misteri Paska. Benarkan Yesus yang akan diSalibkan di Kayu Salib, menjadi Orang yang membawanya kepada Bapa-Nya. Dia ingin membersihkan bait suci hati kita, dan menyucikannya sehingga apabila tiba waktunya Bapa memuliakan-Nya, Dia akan membawa kita bersamaNya.

Marilah kita bersama-sama berada di sana. ✝

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH Hari Minggu Palma Kisah Sengsara Tuhan

HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI

TEMA BULANAN: **MENYEMARAKKAN KESAMAAN**

ADAKAH KAMU DI SANA?

Ramai seniman telah menulis tentang lagu ini, 'Were You There?' (Adakah kamu di sana?) Ia ditulis untuk *Old Plantation Hymnal* (Buku Lagu Ladang Lama) pada tahun 1800-an. Perhambaan adalah perkara biasa pada masa itu, dan para hamba boleh menceritakan kekejaman Penyaliban. Kehidupan mereka bergantung pada HARAPAN dan pada pesan penyelamatan Injil. Lagu ini mengingatkan kita akan keselamatan kita sendiri. Kristus telah membebaskan kita, dan Santo Paulus meminta kita untuk tidak lagi dikenakan kuk perhambaan (Galatia 5:1).

